

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 MAY 2017

# Saya tidak dibelenggu rasa bersalah - Najib

um-14/5/2017

**KUALA LUMPUR 13 Mei** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau tidak dibelenggu rasa bersalah dalam membina infrastruktur bertaraf dunia untuk Malaysia walaupun dituduh menjual kedaulatan negara oleh Pakatan Harapan yang diketuai DAP apabila bersejua bekerjasama dengan China melalui inisiatif *One Belt One Road* (OBOR).

Tegas Perdana Menteri, projek tersebut akan memajukan banyak kawasan di negara ini dan membawa kemakmuran kepada rakyat tanpa mengorbankan pemilikan rakyat tempatan sebagaimana dakwaan pakatan tersebut.

"Saya tidak rasa bersalah kerana saya ingin membina infrastruktur bertaraf dunia untuk rakyat Malaysia.

"Kemudahan ini akhirnya akan membuka peluang besar kepada kita, membawa lebih banyak perdagangan dengan beribu-ribu peluang pekerjaan baharu dan menambah baik taraf hidup serta kemakmuran negara," kata beliau dalam sebuah artikel yang diterbitkan *South China Morning Post* semalam.

Artikel tersebut turut dimuat naik ke blog beliau [www.najib-razak.com](http://www.najib-razak.com) hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama antara Malaysia dan China melalui inisiatif OBOR merupakan satu bentuk kerjasama menang-menang antara kedua-dua negara.

Najib berkata, walaupun banyak pihak menyatakan keraguan mengenai inisiatif tersebut namun beliau dan pemimpin ASEAN lain yakin dengan projek tersebut yang merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di rantau itu.

"Antara contoh projek yang

**Projek-projek ini akan bertindak sebagai penghubung perdagangan yang cekap serta menjimatkan masa antara rantau Afrika, Asia Barat dan juga Asia."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

terlibat ialah landasan kereta api China-Laos, projek kereta api berkelajuan tinggi Jakarta-Bandung, projek kereta api berkelajuan tinggi Nakhon Ratchasima-Bangkok dan bagi Malaysia, Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) pula bakal memacu pertumbuhan ekonomi kepada penduduk.

"Projek-projek ini akan bertindak sebagai penghubung perdagangan yang cekap serta menjimatkan masa antara rantau Afrika, Asia Barat dan juga Asia," katanya.

Tambah beliau, rantau Asia kini sedang berkembang pesat dan bakal menjadi rantau yang terpenting di pentas dunia.

"Ini adalah abad Asia, jadi marilah kita bersama terus maju dengan berpegang pada nilai saling menghormati, keamanan, keharmonian serta tidak campur tangan dalam hal ehwal negara berdaulat," katanya.

Najib berkata, semua pihak perlu menyumbang dan bersama-sama mengambil bahagian bagi memastikan kejayaan rantau Asia melalui inisiatif OBOR yang merupakan visi daripada Presiden China, Xi Jinping itu.